



مجلس daerah تنجوع ماليم

**MAJLIS DAERAH TANJONG MALIM**

Peti Surat 59,  
35900 Tanjong Malim,  
PERAK DARUL RIDZUAN.

Telefon : 05-4563410  
05-4563420  
Faks : 05-4563430  
05-4563440  
Laman : <http://www.mdtm.gov.my>

Ruj. Kami : Bil( 3 ) dlm.MDTM(TEK)(IKLAN) 03/22  
Tarikh : 25 Syaaban 1443  
28 Mac 2022

**KENYATAAN SEBUTHARGA**

1. Tawaran adalah dipelawa daripada Kontraktor Bumiputera yang mempunyai Sijil Perolehan Kerajaan berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dalam Gred kategori dan Pengkhususan serta Kementerian Kewangan Malaysia yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja seperti berikut:-

NO. SEBUTHARGA	BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	HARGA DOKUMEN
SH 2/2022	Membaik Pulih Dan Mengecat Bangunan Rumah Kedai Bandar Slim River, MD Tanjong Malim	Berdaftar Dengan CIDB Gred G2 Kategori B, Pengkhususan B04, Negeri Perak, Bumiputera	RM 50.00
SH 3/2022	Menaik Taraf Dewan Orang Ramai Trolak, MD Tanjong Malim	Berdaftar Dengan CIDB Gred G2 Kategori ME, Pengkhususan E11, M01 Negeri Perak, Bumiputera	RM 50.00

2. Naskah meja tawaran akan dipamerkan di Pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim dari **6 April 2022 hingga 13 April 2022** semasa waktu pejabat.

3. Dokumen tawaran akan dijual bermula **6 April 2022 hingga 13 April 2022** mengikut waktu pembayaran seperti berikut:-

SELASA – KHAMIS	
Pagi	: 9.00 pagi – 12.15 tengahari
Petang	: 2.15 petang – 4.00 petang

JUMAAT	
Pagi	: 9.00 pagi – 12.00 tengahari
Petang	: 3.00 petang – 4.00 petang

Dokumen tawaran tidak akan dijual selepas tarikh dan waktu dinyatakan ini.

4. Penyebutharga boleh melawat sendiri kawasan atau tapak projek dengan mematuhi SOP Perintah Kawalan Pergerakan iaitu mengamalkan penjarakan fizikal, menggunakan *hand sanitizer* dan memakai penutup muka.

5. **Penyebut harga yang berminat boleh membeli dokumen tawaran bermula 6 April 2022 hingga 13 April 2022. Penyebutharga diwajibkan membawa bersama salinan asal (termasuk satu salinan fotostat) Sijil Pendaftaran Kementerian Kewangan, Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (CIDB) dan Sijil Taraf Bumiputera (PKK). Hanya penyebutharga yang berkelayakan sahaja dibenarkan membeli dokumen tawaran tersebut.**

MAJU DAN JAYA



6. Pembayaran dokumen tawaran hendaklah berbentuk tunai, bank draf atau wang kiriman pos di buat atas nama Yang Dipertua, Majlis Daerah Tanjong Malim. Tawaran hendaklah di buat di atas dokumen tawaran yang diambil daripada Majlis Daerah Tanjong Malim.

7. Dokumen yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang berlakri dengan mencatatkan nombor tawaran di penjuru sebelah kiri dan dimasukkan ke dalam peti tawaran di Kaunter Utama, Jabatan Kejuruteraan, Tingkat 2 (Blok A) Pejabat Majlis Daerah Tanjong Malim pada atau sebelum 14 April 2022 (Khamis) jam 12.00 tengahari. Sila lampirkan salinan tiga bulan penyata bank dari bulan Januari, Februari dan Mac 2022 serta senarai pengalaman kerja terdahulu yang berkaitan dengan sebutharga ini. Sebarang tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa yang ditetapkan akan ditolak.

8. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan kenyataan ini, sila hubungi talian MDTM 05-4563410 / 05-4563420 (Puan Khairul Wati binti Tajjudin).

9. Majlis ini tidak tertakluk untuk menerima tawaran yang terendah atau mana-mana tawaran tertentu.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”  
“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”**

Saya yang menjalankan amanah,



**(ROSLAN BIN KAMARUZAMAN)**

Setiausaha

b.p Yang Dipertua

Majlis Daerah Tanjong Malim

sk *Yang Dipertua  
Majlis Daerah Tanjong Malim*

*Setiausaha  
Majlis Daerah Tanjong Malim*

**“SEJAHTERA RAKYAT PERAK DARUL RIDZUAN”**